

LPP syor terus jalin persefahaman

PPK Kuala Langat sahut cabaran jadi pusat pengumpulan hasil cili terbesar

TELOK PANGLIMA GARANG - Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Negeri Selangor mengesyorkan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat terus menjalinkan memorandum perjanjian persefahaman (MOU) tanaman cili bersama PPK di seluruh negara.

Pengarah LPP Negeri Selangor, Nurfaizah Umar berkata, projek MOU yang sudah dilaksanakan PPK Kuala Langat menjadi platform memperluaskan proses pemasaran cili di PPK berkenaan.

Menurutnya, sebagai contoh PPK Kampung Gajah kini sudah meningkatkan usaha melaksanakan tanaman cili sebelum dihantar ke PPK Kuala Langat untuk dipasarkan.

"Buat masa ini beberapa pihak sudah menandatangani MOU berkenaan tu termasuk PPK di Pangerang, Johor dan

Majlis Belia Daerah (MBD) Masjid Tanah.

"Tidak lama lagi Persatuan Peniaga Penanam Cili Negeri Kelantan dan sebuah UiTM bakal menandatangani MOU tersebut bagi meningkatkan pengeluaran tanaman cili mereka, "katanya ketika ditemui pemberita pada Program Ibadah Korban PPK Kuala Langat di Pusat Pengumpulan Hasil Ladang PPK Kuala Langat di sini, semalam.

Nurfaizah berkata, usaha itu mampu menjadi contoh kepada PPK di seluruh daerah di negara ini, khususnya Selangor.

Katanya, PPK Kuala Langat memberi komitmen sepenuhnya supaya Pusat Pengumpulan Cili yang diusahakan di Telok Panglima Garang terus menjadi bualan dan tumpuan pelbagai pihak yang ingin memasarkan hasil.



NURFAIZAH

"Buat masa ini, kita harap PPK Kuala Langat berjaya dari segi pencapaian, termasuk menanti keputusan anugerah PPK Jaya yang dianjurkan Kementerian.

"Jika PPK Kuala Langat diberi pilihan menang, ia akan menjadi kelebihan untuk terus aktif dan meningkatkan imej baik PPK di Selangor,"katanya.

Sementara itu, Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah (AJP)



Ahli PPK Kuala Langat, Mustakim Md Din menerima daging korban yang disampaikan Nurfaizah.

PPK Kuala Langat, Abdul Razak Khasbullah berkata, sejak Januari hingga 31 Ogos lalu, PPK Kuala Langat telah memasarkan cili bernilai RM1.1 juta dan menjangkakan sehingga akhir tahun nanti bakal mencecah RM2 juta.

"Kita menyahut cabar-

an LPP Selangor yang menyokong usaha PPK Kuala Langat memasarkan hasil cili dan terus menjadi pusat pengumpulan terbesar.

"Saya harap ahli PPK sentiasa aktif dalam meningkatkan imej pertanian di daerah ini sekali gus menjadi pemasar yang

aktif," katanya.

Semalam, PPK Kuala Langat turut melakukan ibadah korban dengan menyembelih dua ekor lembu di Pusat Pengumpulan Hasil Ladang sebelum diagihkan kepada ahli dan orang awam yang hadir.

Syukur tidak jadi mangsa korban

Tragedi ketika melontar jadi kenangan pahit bagi ustaz


SIJANGKANG - "Saya rasa bagaikan mimpi bila kawan beritahu nampak ramai jemaah haji meninggal dunia ketika melontar jamrah akibat terjatuh masa pergi menunaikan haji dulu," demikian kenangan pahit yang tidak dapat dilupakan Tugiman Razaq Mad Syafie, 67, ketika menunaikan haji pada 1994.

Tugiman yang mesra disapa ustaz dan pernah berkhidmat sebagai guru bahasa Arab di beberapa sekolah rendah agama sekitar Banting, berkongsi pengalamannya semasa berada di tanah suci.

Menurutnya, kejadian berlaku di Mina selepas Asar ketika dia berjalan sendirian.

Katanya, tidak terlintas langsung untuk pergi melontar sendiri tetapi bila nampak jalan lengang dan lapang, dia tergerak hati untuk melontar.

"Bila sampai semula ke khemah, saya sempatlah baring-baring berehat, tapi ka-



Tugiman menunjukkan pasport yang digunakan semasa menunaikan haji pada 1994.

wan tegur tanya ustaz ke mana lepas Asar tadi?

"Saya beritahu pergi melontar sebab tengok laluan senang dan lapang. Siap cadangkan pada kawan tu supaya pergi melontar dan tak sangka

dia terus setuju dan beredar pergi," katanya.

Bagaimanapun, selepas Isyak, Tugiman berkata, rakan-pulangnya pulang semula dan mem-beritahu jemaah Malaysia tidak dibenarkan melontar pada hari

itu kerana kawasan tersebut ditutup sementara.

Tugiman berkata, menurut rakannya itu kawasan untuk melontar ditutup kerana ada jemaah haji yang meninggal dunia akibat terjatuh dan terhempap akibat bersesak-sesak.

Katanya, masa tu tempat melontar dua tingkat sahaja dan beliau ketika itu bagaikan terkejut dan tidak percaya bila mendapat berita itu sedangkan dia baharu sahaja selesai melontar.

"Tak sangkalah kejadian itu berlalu selepas saya selesai melontar. Kalau tak, mungkin saya salah seorang mangsa yang terlibat.

"Ketika itu, satu je yang saya fikir, bagaimana nak maklumkan keluarga di Malaysia yang saya selamat, sebab tak ada sistem telekomunikasi di situ. Lebih merisaukan bila berita tragedi itu sudah diketahui satu dunia," katanya.

Menurutnya, dia hanya dapat menghubungi isteri me-

maklumkan dirinya selamat selepas kembali ke Mekah keesokan harinya.

Paling membanggakan, Tugiman berjaya mengumpul duit untuk pergi menunaikan haji sebanyak RM50 setiap bulan.

Difahamkan, ketika menunaikan haji Tugiman berusia sekitar 45 tahun dan masih lagi sihat.

Katanya, walaupun beliau agak terkilan kerana tidak dapat membawa arwah isterinya menunaikan haji bersama ketika itu tetapi beliau berhasrat mengerjakan Badal Haji untuk arwah isterinya jika diberi peluang.

"Masa daftar haji pada 13 September 1993, isteri baru saja melahirkan anak ketiga dan masih berpantang dua minggu.

"Jadi saya pergi menunaikan haji sendiri tanpa isteri, namun berat hati sebenarnya nak tinggalkan isteri yang sedang berpantang. Tapi mujur isteri faham dan suruh juga saya per-

gi sebab dah rezeki," katanya.

Tugiman berkata, paling menarik, semasa proses pendaftaran ramai yang sudah beratur seawal jam 6.30 pagi.

Menurutnya, tahun itu adalah tahun pertama sistem kuota diwujudkan dan semua pihak tidak melepaskan peluang membuat pendaftaran.

"Jadi memang ada yang sanggup tidur depan Tabung Haji sebab nakkan nombor pendaftaran awal.

"Masa tu Tabung Haji kat Banting ni sebelah Bank Rakyat yang ada sekarang ni. Memang kelakarlah bila nampak orang ramai bersila dan tidur depan Tabung Haji sebab nak tunggu giliran mendaftar," katanya.

Bagaimanapun, Tugiman menyifatkan beliau antara insan yang bertuah apabila diberi peluang menunaikan haji tahun berikutnya.

Katanya, bila mendapat panggilan dipilih menunaikan haji dia bersyukur dan menyifatkan antara individu bertuah.